

|             |                                      |            |           |
|-------------|--------------------------------------|------------|-----------|
| Headline    | TNB kekal labur dalam teknologi baru |            |           |
| MediaTitle  | Berita Harian                        |            |           |
| Date        | 23 Dec 2013                          | Language   | Malay     |
| Circulation | 138,805                              | Readership | 1,048,000 |
| Section     | Ekonomi                              | Page No    | B2        |
| ArticleSize | 120 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | N/A       |
| PR Value    | IDR 86,740,733                       |            |           |
|             |                                      |            |           |



# TNB kekal labur dalam teknologi baru

**Tenaga Nasional Bhd (TNB)** akan terus melabur dalam teknologi baharu bagi operasi utamanya iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian untuk meningkatkan kecekapan, kata Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Azman Mohd.

“Penjanaan arang batu baharu kami dilengkapi teknologi dandang terkini, manakala bahagian penghantaran dan pembahagian kami sedang melaksanakan komponen terbaharu bagi operasi grid pintar.

“Sebagai contoh, sistem pengagihan automasi yang kami pasang membolehkan kami mengurangkan kerugian, mengesan kerosakan dan memulihkan bekalan dengan lebih cekap. Prasarana perintis ini dirancang dilaksanakan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan Bayan Lepas, Pulau Pinang,” katanya dalam Laporan Tahunan 2013 TNB.

Hasil daripada pelaburan dalam teknologi baru-baru ini, Azman berkata, TNB mencatatkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (SAIDI) yang memberangsangkan pada 64.63 minit bagi setiap pelanggan setahun, yang setanding dengan tahap kebolehpercayaan penyedia perkhidmatan rangkaian di negara maju.

## **TNB perkenal myTNB**

Bagi memanfaatkan teknologi untuk memberi keselesaan kepada pelanggan, TNB memperkenalkan myTNB, aplikasi mudah alih pertamanya yang membolehkan pengguna memeriksa maklumat bil, status permohonan dan lokasi pusat pelanggan TNB.

“Kami juga berusaha mendekati pelanggan kami dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan kami menerusi SMS, e-mel atau sistem respons serta-merta kami di laman Facebook dan Webchat.

“TNB juga menambahkan Kios Pembayaran di Pusat Khidmat Pelanggannya kepada 30 dan 37 kios baharu akan ditambah dalam Tahun Kewangan 2014,” kata Azman.